



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN AKAN KUAT KUASA ARAHAN BAHARU DI BAWAH OPS TIRIS 3.0 MULAI 7 JUN 2024

TUMPAT, 6 JUN 2024 – Hari ini saya telah mengadakan lawatan kerja ke negeri Kelantan melibatkan lawatan perairan sempadan Malaysia-Thailand Sungai Golok dan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Kubor.

Tujuan lawatan kerja ini diadakan adalah bagi melihat sendiri pelaksanaan operasi penguatkuasaan di pintu sempadan negara dan sekali gus memperkukuh jalinan kerjasama serta merakamkan penghargaan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam proses penguatkuasaan di ICQS. Antara agensi yang terlibat membantu KPDN dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan barang kawalan bersubsidi adalah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sejak 1 Mac 2023, KPDN telah melaksanakan kerjasama dengan agensi agensi berkaitan melalui OPS TIRIS 1.0 dan kemudiannya 2.0 yang memberikan fokus kepada aktiviti penyelewengan/penyeludupan bahan api diesel termasuk di pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand.

Bermula awal tahun ini, KPDN telah melancarkan OPS TIRIS 3.0 yang memperluaskan skop pelaksanaan meliputi barang-barang kawalan lain iaitu gula putih bertapis (kasar dan halus), minyak masak bungkusan polibeg 1kg, tepung gandum, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).

Berdasarkan statistik penguatkuasaan OPS TIRIS 3.0, bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Mei 2024, sebanyak 19,337 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara. Ini merangkumi stesen minyak, pemborong, pengilang, kuari, pos kawalan dan lain-lain premis. Daripada jumlah itu, sebanyak 986 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM12.46 juta yang membabitkan jenis barangan seperti berikut:

| Bil. | Jenis Barangan | Jumlah Kes | Nilai Rampasan |
|-------------|-----------------------|-------------------|-----------------------|
| 1. | Minyak Diesel | 536 | RM 11.24 juta |
| 2. | Petrol RON95 | 375 | RM 320,094 |
| 3. | LPG | 75 | RM 232,209 |
| 4. | Minyak Masak | 195 | RM 363,858 |
| 5. | Gula | 100 | RM 282,577 |
| 6. | Tepung Gandum | 30 | RM 29,232 |

Pada tempoh yang sama, sebanyak 360 tangkapan juga telah dilakukan melibatkan pelbagai kategori iaitu warga tempatan, warga asing dan pemastautin tetap.

Selain perluasan skop jenis barangan, pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 juga diperkukuhkan dengan penempatan pegawai-pegawai penguat kuasa KPDN di pintu-pintu masuk ICQS melibatkan sempadan darat di Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan bermula 20 Januari 2024. Penempatan secara pentadbiran pegawai penguat kuasa KPDN ini akan dilaksanakan sehingga pengoperasian sepenuhnya Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA).

Berdasarkan kepada laporan awal penempatan pegawai penguat kuasa KPDN di ICQS, antara isu utama yang dikenal pasti adalah berlakunya trend peningkatan penyeludupan bahan api petrol RON95 selain tumpuan kepada penyeludupan diesel sebelum ini. Dijangkakan perubahan jenis barangan diseludup ini berlaku kerana sindiket yang terlibat mula membuat peralihan strategi setelah Kerajaan mengumumkan penyasaran subsidi diesel akan dilaksanakan dalam masa terdekat yang akan melibatkan perubahan harga runcit diesel di stesen-stesen minyak. Pada masa yang sama didapati modus operandi penyeludupan yang digunakan melibatkan taktik pembelian berulang di stesen-stesen minyak sekitar negeri-negeri sempadan.

Bagi mengatasi isu-isu ini, KPDN melaksanakan dua pendekatan serta-merta seperti berikut:

- I. Mengeluarkan Arahan Pengawal Bekalan kepada pemilik stesen-stesen minyak untuk pemantauan dan pelaporan kenderaan-kenderaan yang dikesan melakukan pembelian berulang. Arahan ini akan berkuat kuasa esok 7 Jun 2024 sebaik sahaja sesi libat urus pemilik stesen-stesen minyak di Kelantan.

- II. Memperkukuh kerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi mengesan kenderaan-kenderaan yang telah diubah suai. Ini meliputi pengubahsuaian kenderaan bagi tujuan penyeludupan merentasi sempadan dan penyelewangan melibatkan penjualan diesel bersubsidi kepada industri melalui penguatkuasaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

KPDN sentiasa komited untuk meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan untuk menangani isu ketirisan barang-barang kawalan bersubsidi untuk memastikan dana awam yang disalurkan melalui subsidi Kerajaan akan sampai kepada golongan sasaran.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###